

MPP baru diminta bantu capai wawasan UPM

Oleh Tamrin Anuar

AHLI Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Universiti Putra Malaysia (UPM) yang baru dilantik diminta meneruskan kesinambungan kerjasama barisan kepimpinan lalu bagi membantu universiti berkenaan menyediakan suasana dan iklim pembelajaran yang kondusif dan menyeronokan.

Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Mohd Zohadie Bardaie, berkata sebagai rakan kongsi yang saling memerlukan antara satu sama lain, semangat setia kawan diperlukan bagi membentuk sebuah komuniti cendekian yang mempunyai reputasi tinggi.

Sehubungan itu katanya, ahli MPP sesi ini harus bekerja lebih gigih bagi membantu merealisasikan wawasan UPM untuk menjadi sebuah universiti bertaraf dunia.

Beliau berkata, pihak universiti telah melancarkan pelan strategi untuk tempoh sepuluh tahun bagi meletakkan UPM se-


tanding dengan institusi pengajian tinggi (IPT) lain di peringkat antarabangsa.

"Matlamat pelan strategi itu ialah mengeluarkan graduan berkualiti, berdaya saing dan terus maju menerusi pembelajaran yang berterusan, sekali gus memberi impak kepada masyarakat dan negara," katanya pada majlis pelantikan ahli MPP sesi 2003/2004, di UPM, Serdang, semalam.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor, Prof Madya Datuk Dr Idris Abdol. Presiden MPP, Mohd Razif Abdullah mengetuai 41 ahli majlis itu dalam upacara membaca ikrar taat setia.

Dr Mohd Zohadie turut mensiasahkan ahli MPP baru memahirkan diri dengan undang-undang dan peraturan IPT, khususnya Akta Kolej dan Kolej Universiti 2000 supaya dapat melaksanakan sesuatu tindakan dengan betul dan tepat.

"Kepimpinan baru juga perlu meningkatkan aktiviti berbentuk kemasyarakatan kerana ia bukan saja dapat menanam pandangan positif masyarakat, malah pelा-



DR MOHD ZOHADIE (kiri) berkenalan dengan ahli MPP baru UPM. - Gambar oleh Saifulliczam Tamadi

jar berpeluang menyelami dan menghayati kehidupan masyarakat setempat.

"Saya yakin hal ini dapat menimbulkan keinsafan di kalangan pelajar dan meningkat semangat mereka untuk berusaha lebih bersungguh-sungguh bagi

mencapai kejayaan cemerlang, seterusnya berbakti kepada masyarakat dan negara," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, Mohd Razif berkata, MPP akan menjalankan tanggungjawab sebaik mungkin dan membantu universiti mencapai matlamat

pelan strategi.

Katanya, dalam masa terdekat ini pihaknya akan meneruskan tugas kepimpinan lalu, di samping mengatur strategi bertindak bagi menyelesaikan masalah pelajar, terutama yang berkaitan kebijakan mereka.